

# Inovasi Blok Batik Tembağa Sebagai Kraf Hiasan

*Reusing Copper Batik Blocks as Items of Decoration*

**Mohd Sazali Mohd Yusop**

Institut Kraf Negara

sazali@kraftangan.gov.my

## **Abstrak**

Blok batik atau blok batik tembaga sinonim dengan kerja-kerja membatik. Bermula daripada blok batik tembaga sebagai pembatik kini inovasi blok batik tembaga sebagai kraf hiasan. Penelitian difokuskan kepada perubahan iaitu inovasi yang berlaku keatas blok batik yang menjadi kraf hiasan selain fungsi asalnya sebagai pembuat corak batik. Blok batik ini dihasil menggunakan tembaga sebagai bahan utama. Perubahan bahan berlaku melalui tahun demi tahun sehingga kini bahan yang digunakan adalah gabungan dua jenis tembaga iaitu kepingan tembaga kuning dan kepingan zink. Para pembuat blok kini lebih terbuka dan berpandangan jauh, iaitu tidak hanya tertumpu kepada pembuatan blok batik dan membaiki blok batik sebaliknya pembuat blok batik lebih cenderung kepada perubahan dan fungsi blok tersebut kepada yang lebih menarik dan berubah dari satu kegunaan biasa kepada hiasan yang lebih bersifat estetik dan bernilai tinggi.

**Kata kunci** inovasi blok batik tembaga, inovasi blok tembaga hiasan kraf

## **Abstract**

*Batik blocks made of brass plate are synonyms with the work of batik. Started from copper block as a medium to make batik, now it has become a decorative craft as a new innovation. The study focuses on the changes of the decorative batik block from its original function to decorative craft. Brass plate is a main material to make batik block. The use of brass for years now has been transformed by the combination of other metal such as zinc and copper. Artisans are now progressive and forward-thinking, focusing on the making and repairing the batik block. They create more decorative batik blocks that change the character and aesthetic value to the highest valuable craft item.*

**Keywords** batik block, innovation, brass plate block, decorative crafts

## PENGENALAN

Malaysia terkenal diseluruh dunia kerana memiliki budaya yang unik dan berbilang kaum. Hanya negara Malaysia sahaja di dunia ini yang memiliki kepelbagaiannya agama bangsa dan budaya yang harmoni. Namun budaya yang baik akan sentiasa dipandang tinggi dan dihormati oleh orang lain. Begitu jugalah halnya dengan seni kraf tradisional Melayu. Bangsa Melayu sentiasa dikaitkan dengan budaya yang baik, bertoleransi, lemah lembut, sopan santun dan seribu satu kebaikan yang digambarkan maka tidak hairanlah seni kraf tradisional Melayu ini menjadi satu kesenian yang bernilai tinggi darjatnya.

Seni yang ada pada bangsa Melayu ini menjadi kekuatan pada seni kraf tradisional Melayu amnya di Malaysia. Kajian ini akan mengetengahkan berkaitan blok batik atau blok batik tembaga yang kebiasaan tahu akan fungsinya sebagai media menghasilkan corak batik secara cepat dan pantas. Pada awalnya blok batik dihasilkan dari blok kayu yang diukir corak pada permukaan kayu tersebut sehingga inovasi bahan berlaku dari kayu kepada aluminium dan tembaga. Pengkaji cuba mengetengahkan inovasi blok batik yang dijadikan sebagai blok batik hiasan.

Berdasarkan kepada perubahan material blok batik dari kayu kepada tembaga kini inovasi berlaku lagi pada fungsi blok batik kepada kraf hiasan yang bernilai tinggi. Seperti sedia maklum corak dan motif yang digunakan pada blok batik masih kekal hingga kini iaitu berkaitan flora dan fauna. Perubahan rekaan blok batik terkini adalah tertumpu pada perubahan persekitaran seperti bangunan pencakar langit di Malaysia seperti Kuala Lumpur City Center (KLCC) dan tulisan-tulisan khat yang menjadi permintaan masyarakat pada masa kini.

Berlandaskan kepada pepatah “Jika tidak dipecah ruyong mana nak dapat sagunya” begitu jugalah perubahan blok batik ini jika tidak diketengahkan dan dikomersialkan tidak akan ke mana perubahannya. Kajian ini akan mengupas beberapa aspek seperti nilai dan budaya dalam inovasi blok batik sebagai kraf hiasan. Semoga ianya menjadi pencetus idea dalam inovasi blok batik sebagai kraf hiasan yang perlu diberi perhatian dan sentuhan supaya ia menjadi satu lagi lambang dan identiti Negara Malaysia.

## Kraf dan Budaya

Bagi memudahkan maksud dan pemahaman pembaca berkaitan tajuk ini adalah lebih baik jika kita sama-sama memahami dahulu maksud dan pengertian kraf dan budaya. Maksud dan pemahaman umum berkaitan kraf adalah ia sesuatu yang ketinggalan, lama, buruk, tidak berfungsi dan lain-lain lagi disebabkan pemahaman yang kurang akan maksud sebenar tentang kraf. Umum kerap keliru antara kraf dan budaya, adakah kraf itu bermaksud budaya dan budaya itu adalah kraf? Kraf bermaksud perusahaan (kerja, seni, dan sebagainya) yang memerlukan kemahiran terutamanya kemahiran menggunakan tangan: projek ini diyakini akan memanfaatkan pencipta, peminat, pereka bentuk, penyelidik, penuntut, dan pelawat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kraf juga bermaksud kemahiran yang memerlukan penggunaan tangan: barang tempatan; industri Malaysia. Maka jelaslah disini kraf bermaksud kemahiran yang dihasilkan dari tangan manusia.

Bagaimana pula dengan budaya? Budaya bermaksud mengajar atau mendidik seseorang (masyarakat dan lain-lain) supaya berbudaya. Ia juga bermaksud membiasakan sesuatu perilaku (perbuatan dan lain-lain) yang baik supaya berbudaya atau beradab. Kebudayaan secara keseluruhan ialah cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yg berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi). Dalam proses inovasi blok batik ini pengkaji akan menerangkan kraf dan budaya dalam blok batik sebagai kraf hiasan ini iaitu:



**Gambar 1** Blok batik sebagai kraf hiasan motif kalimah Allah dan Muhammad  
Sumber: Adiguru Md Ghani bin Mat

1. Material yang dimaksudkan adalah bahan yang digunakan dalam pembuatan blok batik yang dijadikan sebagai blok hiasan. Bahan yang digunakan adalah daripada bahan yang tahan karat, tahan lama dan paling penting ia mudah dibentuk mengikut corak dan rekaan yang diinginkan.
2. Rekaan yang digunakan adalah rekaan yang melambangkan flora dan fauna yang merangkumi tumbuh-tumbuhan dan hidupan. Rekaan-rekaan ini lebih mesra pengguna kerana penggunaannya yang meluas dalam rekaan-rekaan batik sedia ada. Rekaan dan corak terkini yang digunakan seperti simbolik kepada bangunan Kuala Lumpur City Center (KLCC), bangunan-bangunan yang melambangkan identiti negara Malaysia. Paling mendapat sambutan kini adalah rekaan yang melambangkan tulisan khat seperti kalimah Allah dan Muhammad, "Bismillahirrahmanirohim" dan lain-lain ayat ringkas.
3. Fungsi blok batik yang dijadikan sebagai hiasan kraf adalah salah satu inovasi blok batik kepada sesuatu yang diluar kebiasaan fungsi dan penggunaannya. Inovasi ini menjadikan blok batik dwi fungsi iaitu mencorak batik dan sebagai kraf hiasan yang kreatif.

Jadi mudahlah untuk kita faham akan maksud sebenar kraf dan budaya yang ada pada blok batik sebagai kraf hiasan, bermula dari material, rekaan dan fungsinya. Sebagai contoh jika kita melihat satu blok batik lama maka maksud tersirat pada rekaannya tentulah berkaitan identiti bangsa Melayu dan tradisional Malaysia. Walaupun bahan ataupun material akan berubah dari satu bahan ke satu bahan yang lain tetapi sifat dan fungsinya tetap sama iaitu mencorak batik dan hiasan. Bukan semua blok batik yang dihasilkan mempunyai nilai yang beridentitikan Malaysia sepenuhnya kerana ia bergantung pada pereka yang menginginkan sesuatu blok batik sebagai kraf hiasan lebih kepada rekaan akan datang seperti moden, futuristik dan sebagainya.



**Gambar 2** Blok batik sebagai kraf hiasan motif warang kulit

*Sumber:* Adiguru Md Ghani bin Mat

Masalah yang sama juga bakal wujud pada blok batik hiasan ini iaitu nilai estetik dan rasionalnya lebih baik diperjelaskan lagi di sini akan apa itu nilai estetik dan mengapakah blok batik dijadikan kraf hiasan. Mari kita lihat maksud kraf di mata masyarakat Barat yang beranggapan sebagai satu kemahiran kreatif semata-mata tetapi tidak bagi pandangan kita yang beranggapan kraf adalah satu hasil seni (produk) turun temurun yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi mengikut pengajaran dan pengalaman secara formal dan tidak formal. Nilai estetik ialah sesuatu keindahan dan kecantikan dalam produk blok batik yang dihasilkan. Nilai dan maksud budaya yang terkandung dalam rekaan blok batik tersebut menjadikan ia satu hasil dan bernilai tinggi. Manakala bagi rasionalnya pula inovasi blok batik kepada kraf hiasan adalah satu perubahan yang menakjubkan kerana fungsi blok batik tersebut dipelbagaikan fungsinya menjadikan ia satu produk kraf hiasan yang sangat menarik.

## Kajian dan Kraf Hiasan

Ilham menjadi asas yang kukuh pada setiap pencipta untuk menghasilkan sesuatu atas kehendak semasa, pasaran dan nama sehingga akan langkah dan cara untuk berubah menjadi sesuatu yang lebih baik selalu ditentang tanpa dapat diberikan alasan yang kukuh. Jika penggunaan blok batik dipelbagaikan dan dijadikan sesuatu yang di luar kotak pemikiran biasa adalah menjadi sesuatu yang lucu dan menjadi caci dan ejekan akan perubahan yang cuba dilakukan dalam inovasi blok tembaga tersebut. Walaupun zaman dan perubahan berlalu tetapi perubahan blok batik terlalu perlahan dan adakalanya menjadi lesu. Apakah faktor yang menjadik ia lemah? Minat dan galakan yang tidak konsisten menjadikan blok batik terlalu ketinggalan dan terkebelakang jika ingin dibandingkan dengan batik canting.

Bagi pengkaji, ini merupakan satu penemuan baru yang harus diberi perhatian. Bidang kraf harus diberi nafas baru agar ia dapat bersaing di zaman serba mencabar ini. Pelbagai cara boleh diketengahkan untuk dipromosikan. Proses penghasilannya tidak rumit tetapi memerlukan konsentrasi dan kesabaran yang tinggi kerana tanpa kesabaran pasti penghasilan blok tidak sempurna. Pembentukan peribadi itu dapat dilihat melalui proses penghasilan. Selain itu penghasilan blok batik kraf hiasan ini adalah satu-satunya warisan blok batik yang ada di Malaysia sebagai warisan bangsa dan budaya. Jelasnya disini selain daripada nilai estetika, nilai moral wujud dalam penghasilan motif inovasi blok batik kerana ia terkandung dalam teknik penghasilan blok. Jika seseorang penghasil tidak mengikut teknik dan langkah yang betul maka blok tidak akan sempurna kejadiannya. Sekali lagi estetika dan nilai moral tidak wujud pada blok tersebut. Oleh itu pengkaji cuba menyingkap dan menghuraikan persoalan demi persoalan dengan cara menjadikan ia satu bukti kukuh bahwasanya inovasi blok batik dapat direalisasikan sebagai kraf hiasan.

Dalam konteks hiasan pula kraf hiasan dapat dilihat dalam beberapa sudut antaranya kraf hiasan dalaman dan kraf hiasan luaran. Jika kraf hiasan dalaman ia lebih tertumpu kepada aksesori seperti hiasan dinding, hiasan meja, hiasan di lantai dan sebagainya. Manakala bagi luaran pula seperti hiasan kraf di taman, laman dan sebagainya. Pada masa kini kraf dan hiasan tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia.

## Blok Batik sebagai Hiasan

Inovasi blok batik sebagai kraf hiasan merupakan kajian yang akan diketengahkan. Inovasi blok batik sebagai kraf hiasan yang terulung yang mana ia mengetengahkan satu hasil penemuan terkini berkaitan blok batik yang diinovasikan menjadi satu bahan atau objek yang bernilai dan estetik. Mendokumentasikan penemuan baru ini iaitu inovasi blok batik atau tembaga sebagai kraf hiasan kepada warisan bangsa dan ketinggian nilai budaya melayu. Menganalisis produk yang dihasilkan melalui inovasi blok batik sebagai kraf hiasan sebagai dwi fungsi di Malaysia selain menjadi blok batik ia juga boleh digunakan sebagai satu kraf hiasan.

Inovasi yang dimaksudkan ialah perubahan fungsi blok batik tersebut kepada dwi fungsi iaitu dalam masa yang sama masih mengekalkan fungsi asalnya sebagai mencorak batik. Fungsi yang di inovasikan adalah sesuatu yang baru iaitu perubahan

dari satu peringkat ke satu peringkat menjadi lebih baik dan kepelbagaian fungsi dan kegunaannya. Inovasi ini menjadi pemangkin kepada perubahan blok berubah kepada fungsi yang lebih baik dan bernilai tinggi. Perubahan yang dibuat pada blok menjadi satu inovasi pada produk kraf yang di pelbagaikan fungsi dan nilainya.



**Gambar 3** Blok batik sebagai kraf hiasan motif bunga lili  
*Sumber:* Md Sazali Md Yusop

## KESIMPULAN

Kepentingan kajian ini banyak menjurus kepada kraf yang merupakan satu khazanah negara yang istimewa. Setiap negara mempunyai bidang kraf tertentu hanya yang membezakannya ialah produk, kemahiran, teknik dan lain-lain lagi. Oleh hal yang demikian wajarlah jika kajian berkaitan Inovasi blok batik tembaga sebagai kraf hiasan diketengahkan dan dikomersialkan. Ini dapat diuji melalui keberkesanannya dalam bidang kraf tersebut. Hasil dari kepentingan ini dapat membantu dalam sumbangan di bidang blok batik tembaga terutama pada penggiat dan pembuat blok batik tembaga. Menggunakan dan mencuba hasil kajian dan dapatan yang dibuat keatas inovasi blok batik tembaga tersebut. Menginovasi blok batik tembaga kepada sesuatu hasil kraf yang unik dan cantik untuk dikomersialkan sebagai produk kraf negara.

Memberi galakan penggiat dan pembuat blok batik agar menghargai blok-blok batik yang dihasilkan iaitu dengan cara kepelbagaian penggunaan blok tersebut. Menjadikan blok batik melalui inovasi iaitu berubah dari generasi ke generasi mengikut peredaran masa.

Semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan bersama, kepelbagaian dan perubahan yang baik dapat menjadikan hasil inovasi blok batik tembaga sebagai kraf hiasan salah satu produk kraf buatan Malaysia yang terunggul di dunia.

## RUJUKAN

- Adiguru Md Ghani bin Mat. (2011). *Blok batik hiasan dinding*. Kelantan, Malaysia.
- Batik Blok. (1992). *Batik Blok*. Bahagian Hal Ehwal Awam dan Informasi Info Kraf Malaysia, Kuala Lumpur: Perbadanan kemajuan Kraftangan Malaysia PKKM.
- Ensiklopedia Kraf Malaysia. (2012). *Bahan, peralatan dan proses*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia PKKM.
- Harozila Ramli, Tajul Shuaizam Said & Mohd Fauzi Sedon. (2013). *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni Vol 1. Lukisan batik dalam seni lukis moden Malaysia*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Izani Mat Li M.Hum. (2013). Ekspresi keperibadian Melayu di sebalik ukiran kayu tradisional. *Jurnal seni dan pendidikan seni*, Vol 1. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Manan Samad. (2005). *Hiasan kraf di hotel*. Kuala Lumpur: *Harian Metro Malaysia*.
- Motif & Teknik. (2009). *Seni kraf batik motif & teknik*. Institut Kraf Negara Rawang Selangor: Institut Kraf Negara IKN.
- Motof-motif Batik. (1989). *Motif-motif batik*. Bahagian Sumber Data. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia PKKM.
- Muh. Hayom Widagdo, M.Sb. (2010). *Pensyarah kraf logam konsentrasi jewelry. Indonesia: Politeknik Seni Yogyakarta Indonesia*.
- Pak Ya. (2011). *Pembuat Blok Batik*. Terengganu, Malaysia.
- Perbadanan kemajuan Kraftangan Malaysia. (2012). *Ensiklopedia Kraf Malaysia*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia PKKM.
- Raudhah Mohd Said. (2014). *Muzium kraf Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia PKKM.
- Rosie Hashim. (1992). *Barangan kraf asli tetap indah jadi hiasan*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Serian Perak. (2010). *Serian Perak Warisan Senitangan Tradisional*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia PKKM.
- Suharto, Suryanto, VS Tri Priyo, Sarana, Iwan Hermawan dan Agus Suwondo. (2014). *Bahan alternatif pembuatan canting batik cap (CBC)*. Indonesia: Fakultas Teknik Universitas Wahid Hasyim Semarang.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan jiwa seni khat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan jiwa seni hias*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan jiwa tembaga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan jiwa motif tumbuh-tumbuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.